

20/09/1999

Perusuh terus guna Masjid Negara

Nadzim Ahmad Jamaluddin; Fazli Abdullah; Mohd Zin Ali; Junita Mat Rasid KUALA LUMPUR, Ahad - Penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini sekali lagi menggunakan Masjid Negara sebagai pusat mereka mengadakan perhimpunan haram yang dicemari pertempuran dengan anggota polis.

Kumpulan berkenaan yang diterajui pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) berkumpul di masjid itu sebelum menyerahkan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara.

Memorandum itu diserahkan oleh anak sulung Anwar, Nurul Izzah kepada seorang pegawai Istana Negara di pintu masuk istana. Pihak istana tetap menerima memorandum itu walaupun menyedari perhimpunan berkenaan adalah haram.

Nurul Izzah diiringi Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohamed dan Naib Ketua Pemuda Pas, Salehuddin Ayob, manakala beratus-ratus penyokong Anwar turut mengikut mereka walaupun polis hanya membenarkan lapan orang saja ke istana kerana ia adalah kawasan larangan.

Perhimpunan yang pada mulanya aman, bertukar menjadi ganas apabila sebahagian daripada penyokong terbabit yang berada di tangga berhadapan Pusat Islam bertempur dengan polis yang ditugaskan menyuraikan perhimpunan itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.10 petang itu, sepasukan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) yang cuba menghalang penyokong terbabit dari meneruskan perarakan ke Istana Negara, dikasari dengan dibaling pelbagai objek termasuk pasu bunga, kayu dan topi keledar.

Tiga anggota polis berpakaian preman dilaporkan cedera dalam kejadian itu. Seorang daripada anggota polis berkenaan dikatakan terpaksa menerima 12 jahitan akibat kecederaan dialami.

Tindakan penyokong terbabit menyebabkan anggota FRU bertindak balas dengan melepaskan tembakan gas pemedih mata dan menembak air ke arah penyokong reformasi menyebabkan mereka bertempiaran melarikan diri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengulas kejadian itu berkata perhimpunan dan rusuhan itu adalah hasil strategi Anwar menimbulkan kemarahan penyokongnya dengan dakwaan keracunan arsenik yang dialaminya.

"Memang itulah idea di sebalik dakwaan kes keracunan itu supaya pengikutnya kembali berdemonstrasi, selain mahu menjejaskan imej Malaysia di mata dunia ketika sidang Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Auckland dan Persidangan Undang-Undang Komanwel di sini minggu lalu.

"Pengikutnya sudah reda, tak ada apa-apa dah. Jadi untuk nak bagi pengikut marah, dia dakwa diracun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) serta Hari Keluarga Perkhidmatan Awam di Bukit Kiara dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, jika Anwar tidak berbuat demikian, Keadilan yang dipimpin oleh isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, tidak akan mendapat sokongan.

"Orang yang masuk Keadilan kelihatan masuk semula ke dalam Umno dan ada yang membubarkan parti itu (di sesetengah tempat). Mereka (masuk semula Umno) kerana tahu tiada asas bagi dakwaan konspirasi terhadap Anwar," katanya.

Dr Mahathir juga menolak kemungkinan kes dakwaan keracunan itu akan menyebabkan beliau terpaksa melengahkan pengumuman pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihan raya diadakan.

"Tidak... (sebaliknya) ia mahu melengahkan kes (liwat) yang sedang berjalan. Ini kerana apabila kes itu selesai, maka orang boleh bercakap mengenainya. Selagi kes itu berjalan, kita tidak boleh membuat sebarang ulasan. Maka, dia (Anwar) tidak mahu kita untuk bercakap apa-apa mengenainya semasa kempen (pilihan raya).

"Anda perlu ingat yang Wan Azizah pernah mendakwa yang kerajaan akan menyuntik virus Aids pada suaminya dan dakwaan seperti ini (termasuk keracunan arsenik) akan dibuat atas dua atau tiga sebab tertentu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan Keadilan menghantar memorandum menggesa campur tangan pihak istana berhubung dakwaan kes keracunan Anwar hanya akan mewujudkan suasana kacau bilau.

Katanya, beliau tidak nampak kebaikan daripada tindakan seumpama itu, dengan mempolitikkan hal orang sakit dan kes yang sedang dibicarakan di mahkamah.

"Tindakan seperti itu (menghantar memorandum) hanya meributkan suasana. Boleh jadi itu yang mereka (pembangkang) nak timbulkan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan "Projek Minda" Parlimen Kepala Batas di Sekolah Rendah Kebangsaan Hashim Awang, di Kepala Batas, Pulau Pinang, pagi ini.

Memorandum yang diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong itu mengandungi lima perkara, termasuk menuntut Dr Mahathir dan Abdullah selaku Menteri Dalam Negeri, bertanggungjawab penuh terhadap kes keracunan Anwar.

Ia juga menuntut supaya sebuah Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi menyiasat kes keracunan bekas Timbalan Perdana Menteri itu, selain mendesak supaya Anwar diletakkan di bawah pengawasan rapi doktor kerana kes keracunannya adalah serius.

Terdahulu dalam perhimpunan itu, beberapa pemimpin parti pembangkang termasuk Naib Presiden Keadilan, Tian Chua; Ketua Pemuda DAP yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Gasing, Teng Chang Khim dan Salehuddin turut berucap dari anjung Masjid Negara.

(END)